

27/05/1998

Kelulusan khas potong gaji pekerja

KUALA LUMPUR, Selasa - Ketua Pengarah Buruh akan memberi kelulusan khas kepada institusi tabungan yang berjaya mewujudkan produk simpanan menarik dan istimewa untuk melakukan potongan gaji pekerja mereka.

Melalui kelulusan itu, majikan yang terbabit dengan skim berkenaan tidak perlu mendapatkan kebenaran berdasarkan kes daripada Jabatan Buruh.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, berkata cara itu memudahkan urusan pemotongan gaji pekerja serta menyenangkan majikan dan pekerja melaksanakan skim tabungan berkenaan.

Kementerianya sedang mengenal pasti institusi tabungan seperti bank, syarikat kewangan, insurans dan amanah saham yang berjaya mewujudkan skim itu untuk memberi kelulusan khas secara menyeluruh membenarkan potongan gaji pekerja tanpa memerlukan majikan membuat permohonan berdasarkan kes.

"Kementerian sedang meningkatkan kempen galakan tabungan di kalangan pekerja yang mulai menampakkan kejayaan," katanya ketika melancarkan Skim Tabungan Pekerja Melalui Mini Takaful di sini, hari ini.

Setakat ini, 214 jenis skim tabungan dan jimat-cermat dalam 202 syarikat yang disertai 92,844 pekerja diluluskan oleh Jabatan Buruh melalui potongan gaji

Daripada jumlah itu, 22,282 pekerja menyertai 52 skim pelaburan dalam saham dan unit amanah yang disediakan oleh 45 syarikat.

Seramai 4,420 pekerja menyertai tiga skim tabung persaraan pekerja.

Skim tabung simpanan pula membabitkan 25,184 pekerja yang menyertai 61 skim jenis itu dalam 56 syarikat.

Sebanyak 90 skim insurans yang disediakan oleh 90 syarikat disertai 37,274 pekerja manakala tujuh skim koperasi pekerja disediakan oleh tujuh syarikat yang disertai 2,784 pekerja.

Satu skim ternakan pula diwujudkan oleh sebuah syarikat yang disertai 900 pekerja.

Lim berkata, bagi menyemarakkan lagi kempen galakan tabungan itu, kerajaan menyediakan anugerah khas kepada majikan terbaik mulai tahun ini dari segi pelaksanaan skim tabungan itu untuk pekerjanya.

Anugerah itu akan disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sambutan Hari Pekerja yang dijadual pada Jun atau Julai tahun ini.

"Mengikut rekod Jabatan Buruh, semakin ramai majikan yang bukan saja menggalakkan pekerja menabung malah menyumbang bayaran tunai untuk menambah tabungan itu," katanya sambil memberi contoh syarikat di Pulau Pinang yang menyumbang 33 peratus daripada jumlah yang ditabung oleh setiap pekerja sebulan.

(END)